



Tun Abdul Razak Hussein

Tun Razak diperingati sepanjang Bulan Kebangsaan

Putrajaya: Jasa dan sumbangan Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein akan diperingati sepanjang sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini, sempena ulang tahun ke-50 pemergiannya.

Jurucakap Kerajaan, Datuk Fahmi Fadzil, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Perpaduan Negara merangka acara khusus bagi tujuan itu.

“Perdana Menteri memaklumkan kepada Jemaah Menteri bahawa hari ini (semalam), 14 Januari, adalah tarikh ulang tahun ke-50 pemergian Allahyarham Tun Abdul Razak.

“Ini satu tarikh yang penting bukan hanya untuk diperingati, tapi seperti yang telah dilaksanakan sebelum ini, pada setiap tahun sepanjang Bulan Kebangsaan akan ada tokoh negarawan yang akan diperingati melalui satu acara khusus,” katanya.

Fahmi yang juga Menteri Komunikasi berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Kabinet semalam.

Beliau berkata, acara berkenaan dijangka diadakan sepanjang bulan itu sehingga ke Hari Kebangsaan.

Tun Abdul Razak adalah Perdana Menteri Kedua antara 22 September 1970 sehingga kematiannya pada 14 Januari 1976 ketika mendapatkan rawatan di London, bagi penyakit leukemia akut yang dialaminya.

Sepanjang pentadbirannya, Allahyarham yang mendapat jolokan Bapa Pembangunan Malaysia, terkenal dengan Dasar Ekonomi Baharu (DEB), penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) serta Zon Keamanan, Kebebasan dan Berkecuali (ZOPFAN).